



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

Tarikh: 7 NOVEMBER 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Jualan Rahmah diperluas di lokasi berisiko banjir

Petaling Jaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) akan memperluaskan Program Jualan Rahmah termasuk menumpukan kawasan dijangka terjejas akibat Monsun Timur Laut (MTL) atau musim tengkujuh supaya harga kekal berpatutan.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata usaha itu bagi memastikan orang ramai terus mempunyai akses barang keperluan asas dan pada masa sama KPDN dapat memastikan bekalan stabil serta harga dapat dikekalkan.

“Sebagai contoh kita akan mengadakan Jualan Rahmah di Pahang kerana kawasan itu antara dijangka sering terjejas banjir. Tetapi penetapan muktamad (Program Jualan Rahmah) itu akan diumumkan kelak oleh kerajaan.

“Selain itu, KPDN akan terus membuat pemantauan bagi memastikan harga barang sepanjang musim tengkujuh terkawal dan pada harga berpatutan.

“Kita juga akan memastikan pegawai pemantau harga barang yang membabitkan sebanyak 480 jenis barang ditugaskan setiap hari bagi memas-

tikan kestabilan harga,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di Menara MyIPO di sini, semalam.

MoU itu bertujuan membangunkan sebuah modul khas berkenaan harta intelek yang akan dimasukkan sebagai elemen rentas kurikulum (EMK) dalam kurikulum sedia ada.

Armizan turut menjelaskan,

KPDN turut melantik Peruncit Daerah Terpilih (DDR) dan Pemborong Daerah Terpilih (DDW) di kawasan berisiko terjejas banjir bagi memastikan bekalan barang mencukupi dan dapat diakses orang ramai.

“Dengan langkah ini, KPDN dapat mengekang sebarang ke naikan harga yang mungkin berlaku akibat peningkatan permintaan serta cabaran bekalan di kawasan banjir.

“Saya yakin langkah ini juga dapat memastikan tiada lonjanan harga yang membebankan rakyat ketika musim tengkujuh,” katanya.

KPDN pantau harga barang ketika musim tengkujuh

PETALING JAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) akan terus memantau dan mengawal harga barang semasa musim tengkujuh yang sedang berlaku.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya memastikan terdapat pegawai-pegawai yang memantau harga-harga barang melibatkan sebanyak 480 jenis barang setiap hari bagi memastikan kestabilan harga.

"Bukan itu sahaja, kita juga telah melantik Peruncit Daerah Terpilih (DDR) dan Pemborong Daerah Terpilih (DDW) di kawasan yang berisiko terkesan banjir sebagai langkah bagi memastikan bekalan barang men-cukupi dan dapat diakses oleh rakyat," katanya dalam sidang akhbar Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di sini semalam.

Katanya, dengan langkah tersebut, KPDN berharap dapat menekang sebarang kenaikan harga yang mungkin berlaku ak-



GAMBAR fail orang ramai membeli barang-barang keperluan dapur dalam tinjauan Pasar Raja Bot di Chow Kit, Kuala Lumpur.

bat peningkatan permintaan serta cabaran bekalan di kawasan banjir.

"Tambahnya pula, inisiatif Program Jualan Rahmah akan diperluaskan ke kawasan berisiko bagi memastikan masyarakat mendapat barang asas pada harga berpatutan.

"Kerajaan komited memastikan akses rakyat kepada baran-

gan pada harga yang berwajah. Program jualan ini juga akan membantu meringankan beban kos sara hidup mereka yang terjejas semasa monsun," tambahnya.

Beliau turut memberi jaminan bahawa langkah-langkah yang diambil adalah bagi memastikan tiada lonjakan harga yang membebangkan rakyat ketika monsun tahun ini.



PEGAWAI KPDN memeriksa premis yang menyimpan barang kawalan di Taiping kelmarin.

Peniaga simpan barang kawalan bernilai lebih RM10,000

TAIPING — Barang kawalan bernilai lebih RM10,935.70 ditemui disimpan seorang peniaga di premis miliknya di Kuala Sepetang di sini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Kamalluddin Ismail berkata, premis tersebut diserbu sepasukan pegawai dan anggota penguat kuasa KPDN Perak Cawangan Taiping kira-kira pukul 10 pagi.

Menurut beliau, serbuan yang merupakan sebahagian darip-

da Ops Tiris 3.0 itu telah menghasilkan satu kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 ke atas sebuah premis tersebut.

"Kes dihasilkan setelah pemeriksaan menemui sejumlah barang kawalan iaitu gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, gula dan tepung gandum disyaki disimpan dalam sebuah premis tanpa nama untuk tujuan perniagaan.

"Seorang lelaki Cina warga tempatan berumur 79 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis berkenaan didapati ga-

gal mengemukakan surat kebenaran, lesen atau permit menyimpan barang kawalan di premis tersebut apabila diminta oleh pasukan pemeriksaan," katanya di sini semalam.

Sehubungan itu, Kamalluddin berkata, satu tindakan sitaan telah dilakukan ke atas 104 unit tong silinder LPG, 19 unit minyak masak botol, 40 kilogram (kg) minyak masak peket, 132 kg gula pasir kasar dan 396 unit tepung gandum dengan nilai sitaan keseluruhan dianggarkan sebanyak RM10,935.70.



PEGAWAI pengawal kuasa melihat minyak masak paket yang disimpan dalam premis yang diserbu.

HARI: **KHAMIS**

TARIKH: **7/11/2024**

M/SURAT: **5**

Premis simpan barang kawalan RM10,000 tanpa lesen digempur

Ipoh: Sejumlah barang kawalan iaitu gas petrolem cecair (LPG), minyak masak, gula dan tepung gandum disyaki disimpan dalam sebuah premis untuk tujuan perniagaan, di sini di Kuala Sepetang, Taiping, kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Nege ri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak Datuk Ka-

malludin Ismail berkata, barang kawalan itu dirampas dalam serbuan selepas seorang lelaki berusia 79 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis, gagal mengemukakan surat kebenaran, lesen atau permit menyimpan barang kawalan berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

“Pemeriksaan lanjut di

premis berkenaan menemui 104 tong gas LPG, 19 minyak masak botol, 40 kilogram (kg) minyak masak peket, 132 kg gula pasir kasar dan 396kg tepung gandum yang keseluruhananya bernilai RM10,935.70,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurutnya, siasatan dibuat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 dan

Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974.

Beliau memberi amaran kepada peniaga yang menggunakan dan menyimpan barang kawalan terjadual terutamanya gu la, minyak masak, tepung gandum dan gas LPG untuk mendapatkan permit kebenaran menyimpan bagi mengelak dikenakan tin dakan.

Perbanyak Jualan Rahmah termasuk di kawasan risiko banjir - Armizan

PETALING JAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperbanyak program Jualan Rahmah termasuk di kawasan berisiko banjir.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, langkah itu bagi memastikan masyarakat khususnya mereka yang terjejas dengan banjir mendapat barang keperluan asas mencukupi pada harga berpatutan.

"Sebagai langkah tambahan, kita (KPDN) juga telah melantik Peruncit Daerah Terpilih dan Pemborong Daerah Terpilih di kawasan yang berisiko terkesan banjir bagi memastikan bekalan barang mencukupi dan dapat diakses oleh rakyat.

"Selain itu, pegawai-pegawai KPDN juga berada di lapangan untuk memantau harga 480 jenis barang setiap hari kerana kita tahu bahawa harga ini terkait dengan aspek penawaran dan permintaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kementerian Pendidikan dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) di sini pada Rabu.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) baru-baru memaklumkan, musim tengkujuh di negara ini dijangka berterusan hingga Mac depan dan membawa antara lima hingga tujuh episod hujan lebat. - Bernama



ARMIZAN

Rahmah sales at flood-prone areas

PETALING JAYA: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) will expand the organising of the Rahmah Sales programme to include flood-prone areas nationwide.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali said this initiative is to ensure that the people, especially those affected by floods, would have access to essential goods at reasonable prices.

"As an additional measure, we have also appointed selected district retailers and selected district wholesalers in areas at risk of being affected by flood to ensure sufficient supply of goods that are accessible to the public.

"At the same time, KPDN officers are on the ground monitoring the prices of 480 types of items every day, because we understand that prices are closely linked to supply and demand factors."

He said this at a press conference after witnessing the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between the Ministry of Education



Datuk
Armizan
Mohd Ali

and the Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO) at the MyIPO Tower, PJ Sentral, here.

The MoU aims to develop a special module on intellectual property for educators and students, which will be integrated as a Cross-Curriculum Element (EMK) in the existing curriculum.

The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) recently announced that the monsoon season in the country is expected to continue until March next year and bring between five to seven episodes of heavy rain.
— Bernama

Jualan Rahmah akan diperbanyak

PETALING JAYA:

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperbanyak program Jualan Rahmah termasuk di kawasan berisiko banjir.

Menterinya Datuk Armizan Mohd Ali berkata langkah itu bagi memastikan masyarakat khususnya mereka yang terjejas dengan banjir mendapat barang keperluan asas mencukupi pada harga berpatutan.

“Sebagai langkah tambahan, kita (KPDN) juga telah melantik Peruncit Daerah Terpilih dan Pemborong Daerah Terpilih di kawasan yang berisiko terkesan banjir bagi memastikan bekalan barang mencukupi dan dapat diakses oleh rakyat.

“Selain itu, pegawai-pegawai KPDN juga berada di lapangan untuk

memantau harga 480 jenis barang setiap hari kerana kita tahu bahawa harga ini terkait dengan aspek penawaran dan permintaan,” katanya.

— Bernama



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



Fuziah pada Persidangan Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, semalam.
(Foto BERNAMA)

Tunggu laporan rasmi dedah monopoli, kartel industri padi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah menyiapkan laporan mengenai aktiviti kartel dan monopoli membabitkan industri padi dan beras negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh, bagaimanapun berkata, pihaknya tidak boleh memberikan perincian lanjut sehingga laporan rasmi dikeluarkan.

"Berkenaan (isu) beras dan petaini saya nak maklumkan MyCC sudah siap laporan mengenai kartel padi dan beras.

"Tapi saya tak boleh jelaskan di sini hingga laporan rasmi didedahkan, tetapi setakat ini, isu ini sudah diselesaikan," katanya pada sesi soal jawab lisian di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) yang ingin tahu sejauh mana kerajaan mengambil tindakan ke atas kartel dan aktiviti monopoli yang didakwa mempengaruhi harga jualan bahan mentah dan makanan semasa.

Fuziah menjelaskan berkenaan mungkinan laporan MYCC itu mendedahkan penyalahgunaan kedudukan dominan syarikat tertentu yang mengawal bekalan berkaitan industri padi dan beras antaranya benih import.

Sebelum ini, Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail memaklumkan hasil kajian am membabitkan industri padi dan beras di negara ini akan dibentangkan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akhir September.

Iskandar dilaporkan berkata selepas dibawa ke KPDN ia akan dibentangkan kepada Kementerian Pertanian dan Ke-

terjaminan Makanan (KPKM).

Gesaan bagi menghapuskan kartel import baju dan benih dalam industri padi dan beras negara turut disuarakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024, September lalu.

Anwar berkata, usaha memerlukan tekad politik dan ketegasan menteri berkenaan.

Fuziah turut menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) yang ingin tahu perkembangan inisiatif Menu Rahmah yang semakin 'hambar' dengan ramai peniaga didakwa tidak berminat meneruskan.

Beliau berkata, bagi menggalakkan pengusaha makanan menjayakan inisiatif itu, KPDN menambah baik sistem Kad Diskaun Khas Menu Rahmah.

Memperincikan langkah diambil, katanya, KPDN kini menawarkan penggunaan kad terbabit untuk digunakan di Jalan Rahmah.

"November tahun lalu kita perkenalkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah untuk beri diskon kepada pengusaha Menu Rahmah supaya boleh beri barang keperluan memasak dengan potongan harga.

"Tetapi kita dapat ada masalah kerana pasar raya yang tawar perkhidmatan untuk diskon guna sistem berbeza.

"Jadi kita atasi masalah terbabit dengan cara (selain beli di pasar raya terpilih), menawarkan diskon kepada operator Menu Rahmah untuk beli bahan mentah di Jualan Rahmah dan dibenarkan beli contohnya ayam, kalau dulu boleh beli sekotak, tetapi (kini) boleh beli lebih daripada itu," katanya.

KPM serius lindungi hak cipta bahan pendidikan

Oleh NUR HUDA MUSA
dan NUR HIDAYAH MOHD. BOZID

PETALING JAYA – Kementerian Pendidikan (KPM) memandang serius aduan yang diterima mengenai kandungan bahan-bahan pendidikan yang telah dimuat naik tanpa kebenaran.

Menterinya, Fadhlina Sidek berkata, KPM akan memastikan hak cipta harta intelek khususnya berkaitan dengan bahan-bahan pendidikan tersebut dapat dilindungi sepenuhnya.

"KPM akan memastikan kandungan pendidikan dilindungi dan hak cipta serta hak intelek melibatkan bahan-bahan pengajaran ini benar-benar dapat memberi manfaat kepada mereka yang telah memulkannya.

"Justeru, kita ambil perhatian penuh berdasarkan aduan-aduan melibatkan bahan pengajaran seperti buku teks, yang sepatutnya tidak boleh dimuat naik tanpa kebenaran KPM," katanya



ARMIZAN (tiga dari kiri) dan **Fadhlina** (empat dari kanan) ketika hadir pada majlis menandatangani MoU antara KPM dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia di Menara MyIPO, Petaling Jaya semalam.

pada sidang akbar Majlis Menandatangani MoU antara KPM dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) semalam.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali.

Fadhlina memaklumkan, KPM mengukuhkan kerjasama strategik dengan pemeteraan MoU berkaitan harta intelek bersama KPDN melalui MyIPO.

Beliau berkata, MoU itu bertujuan memperkenalkan modul harta intelek kepada warga pen-

dik dan para pelajar sekali gus membentuk generasi yang lebih peka terhadap hak-hak intelek.

Sementara itu, Armizan berkata, inisiatif itu adalah kesinambungan kepada pelaksanaan program yang telah dijalankan oleh MyIPO semenjak 2013

untuk meningkatkan kesedaran hak harta intelek dalam kalangan pelajar antaranya melalui pelaksanaan pelbagai program yang menekankan pembelajaran secara santai tetapi efektif.

"Pelaksanaan program ini menunjukkan perkembangan positif apabila semenjak 2011 hingga September 2024, MyIPO telah menerima sebanyak 66 permohonan pendaftaran paten dan perbaharuan utiliti serta 128 permohonan hak cipta dengan sebahagian besarnya merupakan permohonan paten yang direkodkan atas nama sekolah di bawah KPM dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM).

"Pemeteraan MoU ini akan menjadi langkah tepat dalam membina kesedaran hak harta intelek sekali gus menjadi perisa perlindungan bagi kreativiti dan inovasi warga pendidikan daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak," katanya ketika berucap pada majlis tersebut.

MyCC kesan kartel padi, beras

KUALA LUMPUR – Dewan Rakyat semalam dimaklumkan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah melengkapkan kajian berhubung kewujudan kartel dalam industri padi dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Fuziah Salleh berkata, kajian mendapati terdapat kemungkinan penyalahgunaan kedudukan oleh syarikat tertentu yang mengawal bekalan.

“Tahun 2022 harga ayam tak boleh dikawal sebab kartel makanan haiwan yang sudah dibanters dan dikenakan hukuman oleh mahkamah.

“Berkenaan beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras, tetapi saya tak boleh dedahkan di sini lagi sehingga laporan rasmi didedahkan.

“Tetapi sudah pun diselesaikan berkenaan kartel padi dan beras dan kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan oleh mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih, import dan sebagainya,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr. Shahidan Kassim (**PN-Arau**) berhubung usaha kerajaan untuk membantu golongan petani berdepan peningkatan kos sara hidup.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mohd. Isam Mohd. Isa



MYCC sudah menyiapkan laporan kajian berkenaan kewujudan kartel padi dan beras yang mengawal harga bahan makanan itu. – GAMBAR HIASAN

berkenaan status Menu Rahmah semakin sukar ditemui, Fuziah berkata, antara faktor disebabkan permasalahan pada penggunaan Kad Diskaun Menu Rahmah yang diberikan kepada pengusaha makanan sebelum ini.

Menurut beliau, kad itu di berikan kepada pengusaha Menu Rahmah bermula November tahun lalu bertujuan memberi mereka diskon untuk membeli barang keperluan bagi memasak Menu Rahmah.

Bagaimanapun, kata beliau, selepas beberapa bulan pihaknya mendapati pasar raya yang menawarkan khidmat untuk diskon itu mempunyai sistem ber-

beza menyebabkan kad tersebut tidak dapat digunakan.

“Kita bagaimanapun sudah mengatasi masalah tersebut dengan cara menawarkan kad diskaun ini kepada operator Menu Rahmah untuk mereka membeli di Jualan Rahmah.

“Sebelum ini Jualan Rahmah tidak boleh dibekalkan kepada peniaga, kini boleh. Kalau (had pembelian) ayam dua ekor, mereka boleh beli lebih kerana mereka berniaga.

“Kalau (had pembelian) beras satu atau dua peket, mereka boleh beli lebih dengan mendapatkan Kad Diskaun Menu Rahmah,” katanya.

Oleh Mahaizura
Abd Malik
mahaizura@mediapri-
ma.com.my

FUZIAH pada Waktu
Pertanyaan Menteri di
Dewan Rakyat semalam.

Kuala Lumpur

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah menyiapkan laporan kajian mengenai kartel padi dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, dapatan laporan itu kemungkinan mendedahkan penyalahgunaan dominan mana-mana syarikat yang terbabit memonopoli bekalan berkenaan.

"MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras, tetapi saya tidak boleh dedahkan di sini sehingga laporan rasmi didehdakan, tetapi sudah diselesaikan."

"Dan kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih import dan sebagainya," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Araw)** mengenai sejauh mana kerajaan mengambil tindakan terhadap kartel yang memonopoli harga makanan.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** mengenai status Menu Rahmah, Fuziah berkata, KPDN sudah memperluaskan penggunaan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah yang ditawarkan kepada pengusaha.



KARTEL PADI DAN BERAS

MyCC dah siap laporan kajian

"Kita memperkenalkan Kad Diskaun Khas Menu Rahmah November tahun lalu untuk memberikan diskon kepada pengusaha supaya mereka boleh beli barang keperluan untuk masak Menu Rahmah.

"Namun kita dapat ada masalah kerana pasar raya menawarkan khidmat diskon ini mempunyai sistem berbeza. Jadi kad ini ti-

dak dapat digunakan di semua pasar raya.

"Maka kita atasi masalah itu dengan cara menawarkan kad ini kepada operator Menu Rahmah untuk mereka beli di Jualan Rahmah yang sebelum ini tidak boleh membekalkan kepada peniaga," katanya.

Katanya, dengan kaedah itu, pengusaha yang menawarkan Menu Rah-

mah diberi kelonggaran membeli barang keperluan di Jualan Rahmah pada kadar melebihi pengguna biasa.

"Kalau dulu di Jualan Rahmah (boleh beli) ayam dua ekor atau beras sepeket atau dua peket (saja) sekarang kalau dia bermiaga (Menu Rahmah) boleh (membeli) lebih," katanya.

Lahir generasi celik harta intelek

MyIPO, KPM jalin kerjasama perkenal modul perlindungan harta intelek kepada pendidik, pelajar

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY
PETALING JAYA


Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengukuhkan kerjasama strategik melalui memorandum persefahaman (MoU) berkaitan harta intelek.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, usaha itu bertujuan memperkenalkan modul harta intelek kepada warga pendidik dan pelajar sekaligus membentuk generasi lebih baik terhadap hak-hak harta intelek.

Menurutnya, melalui MoU tersebut sebuah modul khas berkenaan harta intelek juga akan dibangunkan dan dimasukkan sebagai elemen rentas kurikulum (EMK) dalam kurikulum sekolah sedia ada.

"Pewujudan modul ini akan memperkenalkan konsep harta intelek dengan cara mudah difahami pelajar serta membina asas dan pemahaman kukuh bagi melahirkan generasi celik perlindungan harta intelek."

"Inisiatif ini adalah berkesinambungan kepada pelaksanaan program yang telah dijalankan oleh MyIPO sejak 2013 untuk meningkatkan kesedaran hak harta intelek dalam kalangan pelajar," ujarnya.



Ruji (dua dari kiri) menyerahterahkan dokumen MoU kepada Kamal (dua dari kanan) sambil disaksikan Fadhlina dan Armizan pada Majlis Menandatangani MoU antara KPM dan MyIPO di Menara MyIPO, Petaling Jaya pada Rabu.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani MoU antara KPM dan MyIPO di Menara MyIPO di Seksyen 53 di sini pada Rabu.

Hadir sama, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; Ketua Setiausaha KPM, Datuk Ruji Ubi; Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Azman Adnan dan Ketua Pengarah MyIPO, Kamal Kormin.

Mengulas lanjut Armizan berkata, antara usaha yang telah dijalankan adalah pelaksanaan pelbagai program pembelajaran secara santai tetapi efektif seperti IP Summer Camp, IP Funtastic, Program Usahawan Celik IP, Youth Celik IP, Youth Celik IP @ Campsite, IP Bridge, dan Super IDEA.

Katanya, pelaksanaan program itu menunjukkan perkembangan positif sejak tahun 2011 hingga September 2024.

Beliau menjelaskan, dalam tempoh tersebut MyIPO telah menerima sebanyak 66 permohonan pendaftaran paten dan pembaharuan utiliti serta 128

“

Pewujudan modul ini akan memperkenalkan konsep harta intelek dengan cara mudah difahami pelajar serta membina asas dan pemahaman kukuh bagi melahirkan generasi celik perlindungan harta intelek.

- Armizan

permohonan hak cipta dengan sebahagian besarnya merupakan permohonan paten yang direkodkan atas nama sekolah di bawah KPM dan

Maktab Rendah Sains Mara (MRSM). "Pemeterian MoU ini akan menjadi langkah tepat dalam membina kesedaran hak harta intelek sekali gus menjadi perisai perlindungan bagi kreativiti dan inovasi warga pendidikan daripada dieksploitasi oleh mana-mana pihak.

"Ini juga akan membuka peluang kepada pengkomersialan hasil daya cipta dan inovasi untuk manfaat bersama," tambahnya.

Sementara itu, Fadhlina ketika berucap menyifatkan harta intelek berkait rapat seperti yang disebut sebagai penemuan serta inovasi terbaik dan terkini.

Sehubung itu ujarnya, menjadi tanggungjawab warga KPM untuk terus memelihara dan memastikan bahawa hak cipta, hak intelek yang berkait rapat dengan penemuan atau inovasi terbaik dipelihara dan dilindungi.

"Saya sangat mendukung usaha untuk memasyarakatkan tentang isu harta intelek ini kerana ia penting untuk persediaan kita sebagai sebuah negara yang menuju kepada agenda besar tentang inovasi.

"Ia termasuk penemuan serta kajian dan kepentiaran baru yang memerlukan harta intelek difahami dan dimasyarakatkan khususnya pada hari ini," ujarnya.

Beliau berkata, dalam konteks pendidikan perkara itu tidak hanya merujuk kepada penemuan saintifik atau karya seni semata-mata malah ia juga membabitkan semua bentuk bahan pengajaran, buku teks maupun aplikasi pembelajaran digital serta alat pengajar yang lain.

"Bagi mendapatkan hak khususnya untuk dipertahankan kita harus memulakan asas penghormatan kepada idea asal yang mana penghormatan kepada usaha itu bermula di peringkat sekolah," tambahnya.



Armizan (tiga dari kiri) dan Fadhlina (tiga dari kanan) bergambar bersama warga kerja MyIPO dan KPM.

Laporan rasmi kajian kartel padi, beras akan didedah

KUALA LUMPUR

- Suruhanjaya Per-saingan Malaysia (MyCC) telah menyediakan laporan kajian mengenai aktiviti kartel melibatkan padi dan beras.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, kajian itu termasuk kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan manapun syarikat yang mengawal bekalan benih, import dan sebagainya.

"Berkenaan beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras. Tetapi saya tidak boleh dedahkan di sini lagi sehingga laporan rasmi itu didedahkan, tetapi (ia) sudah diselesaikan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau)** yang ingin tahu usaha kementerian dalam mengawal harga beras dan cadangan menaikkan harga lantai belian padi yang ketika ini ditetapkan pada RM1,300 satu tan.

Menjawab soalan asal Shahidan mengenai usaha kerajaan dalam menangani masalah kartel dan monopoli yang mempengaruhi kenaikan harga barang, Fuziah berkata, MyCC memainkan peranan untuk menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat sebarang aktiviti kartel dan monopoli pada sepanjang rantai sesuatu bekalan.

"Kartel ini apabila ada beberapa syarikat berpakat untuk mengawal harga contohnya melibatkan



FUZIAH

makanan haiwan dan di sepanjang rantai bekalan itu kalau berlaku mereka berpakat maka harga makanan akan meningkat.

"Monopoli pula apabila ada satu syarikat menyalah guna kuasa dominannya untuk meletakkan syarat berbeza sehingga dia dapat keuntungan dari situ...dalam keadaan ini MyCC memainkan peranan buat siasatan dan mengenakan tindakan sekiranya ada berlaku," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan **Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin)** mengenai status terkini program Menu Rahmah, Fuziah berkata, pemegang kad diskaun Menu Rahmah kini boleh membuat pembelian di Jualan Rahmah yang diadakan di seluruh negara.

Beliau berkata, kelonggaran itu diberikan kepada operator Menu Rahmah bagi memudahkan mereka mendapatkan barang asas pada harga murah berbanding membeli di pasar raya yang agak sukar kerana sistem pengurusan berbeza.

"Kita perkenalkan kad diskaun Menu Rahmah pada November tahun lepas untuk memberi diskaun kepada pengusaha Menu Rahmah supaya mereka dapat beli barang keperluan, namun kita dapat selepas beberapa bulan ada masalah kerana pasar raya yang menawarkan perkhidmatan diskaun ini ada sistem berbeza dan satu kad tak dapat diguna pakai di semua pasar raya."

"Tetapi kita dah atasi dengan menawarkan kad diskaun kepada operator Menu Rahmah untuk mereka beli di Jualan Rahmah," katanya.

RICE AND PADI INDUSTRY

RAKYAT

RICE CARTEL REPORT READY

Fuziah hints at potential power abuse by companies that control supplies

KUALA LUMPUR

THE Malaysian Competition Commission (MyCC) has completed its report on cartel and monopoly activities involving the rice and padi industry, the Dewan Rakyat heard yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Deputy Minister Fuziah Salleh said she could not divulge more information about the findings until the official report was issued.

"MyCC has completed its report on the padi and rice cartel. I cannot elaborate on it until the official report is released."

"For now, this issue has been resolved," she said, adding that the report might reveal the abuse of power by companies in dominant positions that control supplies related to the rice and padi industry.

Fuziah was responding to a question from Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (PN-Arau) who wanted to know the actions taken by the government against cartel and monopoly activities, which he claimed had affected the prices of raw materials and



Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh speaking in the Dewan Rakyat in Kuala Lumpur yesterday.

BERNAMA PIC

essential food items.

It was previously reported that MyCC would present the report to the ministry by the end of September.

MyCC chief executive officer Iskandar Ismail said the report would then be presented to the Agriculture and Food Security Ministry.

On Sept 14, Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had called for an end to the old practice of procuring seeds and fertilisers through cartels.

He said ending this required political will and decisive action from the minister in charge.

On a separate matter, Fuziah said the ministry would improve the special discount card for the Rahmah Menu initiative, to encourage more food operators to participate in the programme.

The card, she said, was introduced in November last year to provide discounts to Rahmah Menu operators so they could buy essential cooking items at reduced prices.

"However, we found that there were issues because supermarkets offering discounts were using different systems."

"To address this, besides buying at selected supermarkets, we

are offering discounts to Rahmah Menu operators to buy raw materials at Rahmah Sales programmes where they are allowed to buy items, such as chicken."

"For example, if previously they could only buy one, (with the discount card) now they can buy more," she said in response to a question from Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin).

Isam had asked for updates on the Rahmah Menu initiative, which he said had lost its momentum, with many businesses seemingly no longer interested in taking part in it.

'Rice, *padi* cartel report completed'

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has prepared a report on cartel activities involving rice and *padi*, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the study includes examining potential abuses of dominant positions by companies controlling seed supply, imports and other areas.

"Regarding rice and farmers, I would like to inform that MyCC has completed its study report on the rice and *padi* cartel.

"However, I cannot reveal the details until an official report is disclosed," she said.

She was replying to a supplementary question from Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau), who inquired about the ministry's efforts to control rice prices and proposals to increase the *padi* purchase floor price, currently set at RM1,300 per tonne. – Bernama



'MyCC report on rice, paddy cartel activities completed'

Bernama

KUALA LUMPUR (Nov 6): The Malaysia Competition Commission (MyCC) has prepared a report on cartel activities involving rice and paddy, the Dewan Rakyat was told on Wednesday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said that the study includes examining potential abuses of dominant positions by companies controlling seed supply, imports, and other areas.

"Regarding rice and farmers, I would like to inform that MyCC has completed its study report on the rice and paddy cartel. However, I cannot reveal the details here until the official report is disclosed, but it has been completed," she said during a question and answer session.

She was replying to a supplementary question from Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (Perikatan Nasional-Arau), who inquired about the ministry's efforts to control rice prices and proposals to increase the paddy purchase floor price, currently set at RM1,300 per tonne.

To Shahidan's original question on the government's efforts to tackle cartel and monopoly issues that influence rising prices, Fuziah explained that MyCC plays a role in investigating and taking action against any cartel and monopoly activities along the supply chain.

"A cartel occurs when several companies collude to control prices, such as in animal feed, and if they agree along the supply chain, food prices will increase.

"A monopoly, on the other hand, happens when a company abuses its dominant position by imposing different conditions to gain profit...in such cases, MyCC conducts investigations and takes action if there is cartel or monopoly activity," she added.



'Rice, *padi* cartel report completed'

KUALA LUMPUR: The Malaysia Competition Commission (MyCC) has prepared a report on cartel activities involving rice and *padi*, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Domestic Trade and Cost of Living Minister Fuziah Salleh said the study includes examining potential abuses of dominant positions by companies controlling seed supply, imports and other areas.

"Regarding rice and farmers, I would like to inform that MyCC has completed its study report on the rice and *padi* cartel.

"However, I cannot reveal the details until an official report is disclosed," she said.

She was replying to a supplementary question from Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau), who inquired about the ministry's efforts to control rice prices and proposals to increase the *padi* purchase floor price, currently set at RM1,300 per tonne. – Bernama

MyCC sedia laporan kajian aktiviti kartel padi dan beras



KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah menyediakan laporan kajian mengenai aktiviti kartel melibatkan padi dan beras, Dewan Rakyat diberitahu semalam.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Fuziah Salleh berkata kajian itu termasuk kemungkinan penyalahgunaan kedudukan dominan mana-mana syarikat yang mengawal bekalan benih, import dan sebagainya.

“Berkenaan beras dan petani, saya nak maklumkan MyCC sudah menyiapkan laporan kajian mereka berkenaan kartel padi dan beras. Tetapi saya tidak boleh dedahkan di sini lagi sehingga laporan rasmi itu didedahkan, tetapi (ia) sudah pun diselesaikan,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Dr Shahidan Kasim (PN-Arau) yang ingin tahu usaha kerajaan dalam mengawal harga beras dan cadangan untuk menaikkan hargalantai belian padi yang ketika ini ditetapkan pada RM1,300 satu tan.

Menjawab soalan asal Shahidan mengenai usaha kerajaan dalam menangani masalah kartel dan monopoli yang mempengaruhi kenaikan harga barang, Fuziah berkata MyCC memainkan peranan untuk menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat sebarang aktiviti kartel dan monopoli

pada sepanjang rantaian sesuatu bekalan.

“Kartel ini apabila ada beberapa syarikat berpakat untuk mengawal harga contohnya melibatkan makanan haiwan dan di sepanjang rantaian bekalan itu kalau berlaku mereka berpakat maka harga makaran akan meningkat.

“Monopoli pula apabila ada satu syarikat menyalah guna kuasa dominannya untuk meletakkan syarat berbeza sehingga dia dapat keuntungan dari situ... dalam keadaan ini MyCC memainkan peranan buat siasatan dan mengenakan tindakan sekiranya ada berlaku keadaan kartel dan monopoli,” katanya.

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Isam Mohd Isa (BN-Tampin) mengenai status terkini program Menu Rahmah, Fuziah berkata pemegang kad diskaun Menu Rahmah kini boleh membuat pembelian di Jualan Rahmah yang diadakan di seluruh negara.

Beliau berkata kelonggaran itu diberikan kepada operator Menu Rahmah bagi memudahkan mereka mendapatkan barang atas padaharga murah berbanding membeli di pasar raya yang agak sukar kerana sistem pengurusan yang berbeza.

“Kita perkenalkan kad diskaun Menu Rahmah pada November tahun lepas untuk memberi diskaun kepada pengusaha Menu Rahmah supaya mereka dapat beli barang keperluan, namun kita dapat selepas beberapa bulan ada masalah kerana pasar raya yang menawarkan perkhidmatan diskaun ini ada sistem berbeza dan satu kad tak dapat diguna pakai di semua pasar raya,” katanya.

— Bernama

白米壟斷報告將公布

国内贸易及生活费部副部长傅芝雅指出，大马竞争委员会（MyCC）已经完成关于稻米和白米遭集团垄断的研究报告，有关详情将会在正式报告出炉后公布。

她解释，MyCC的报告可能揭露某些公司滥用市场主导地位，控制与稻米产业相关的供应，包括进口种子等问题。

她说，在正式报告出炉之前，她暂时无法透露任何详情。

競爭委會完成白米壟斷研究報告

(吉隆坡6日讯) 国内贸易及生活成本部副部长傅芝雅透露，大马竞争委员会（MyCC）已完成有关稻米及白米垄断活动的研究报告。

她说，该研究报告包括控制种子供应和进口种子的任何公司，可能滥用市场主导地位。

傅芝雅今日在国会下议院回答环节，如是回答伊斯兰党亚委国会议员拿督斯里沙希淡的提问。

沙希淡建议内贸部，控制白米价格及建议调高稻米购买价格上限每公吨1300令吉。

傅芝雅提到，如果供应链中出现垄断，MyCC将会调查及采取行动。

“垄断是指几家公司联手操控价格，比如涉及动物饲料和供应链，如果他们合谋，那食品价格就会上涨，也可以是指一家公司滥用其市场主导地位，设定不同条件，从中获



利。”

针对“关爱菜单”（Menu Rahmah）计划进展，她说，持有关爱菜单折扣卡者可以在全国举行的“关爱促销”（Jualan Rahmah）活动上购物。

她说，因超市使用不同的管理系统，让关爱单业者到关爱促销活动购物，更容易以便宜价格购买基本食材。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

LKIM jamin bekalan ikan cukup sepanjang tengkujuh

Oleh: **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati.isa@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) memberi jaminan bekalan ikan dijangka kekal stabil sepanjang musim tengkujuh meskipun berdepan cabaran cuaca buruk yang boleh menjadikan aktiviti penangkapan ikan terutama di Pantai Timur.

Pengerusinya, Muhammad Faiz Fadzil berkata, dalam usaha memastikan keterjaminan bekalan ikan di pasaran, LKIM membuat persiapan awal dengan menyimpan sekitar 1,600 tan metrik ikan sejuk beku yang terdiri daripada ikan popular seperti selayang, aya, selar, dan kembung.

Menurut beliau, stok ini disimpan di bilik sejuk atau cold room di beberapa Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dan syarikat swasta yang bekerjasama dengan LKIM bagi memastikan ikan yang disimpan kekal dalam keadaan baik dan segar untuk dipasarkan kepada pengguna.

“Dengan cara ini, LKIM bukan sahaja dapat mengelakkan penurunan bekalan ikan di pasaran, tetapi dapat mengekalkan harga yang stabil untuk pelbagai jenis ikan yang menjadi pilihan rakyat.

“LKIM juga mengambil langkah untuk mengimport ikan tertentu dari negara jiran seperti Thailand dan India untuk memastikan bahawa keperluan ikan di pasaran dapat dipenuhi, sekaligus mengelakkan sebarang krisis bekalan,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Media sebelum ini melaporkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan Monsun Timur Laut (MTL) bermula 5 November ini sehingga Mac 2025, dengan jangkaan lima hingga tujuh episod hujan lebat berlaku sepanjang tempoh itu.

Ketua Pengarah MetMalaysia, Dr. Mohd Hisham Mohd Anip berkata, semasa fasa awal MTL dari November hingga Disember, hujan lebat dijangka me-

landa Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz berkata, kawalan harga ikan bukan dalam bidang kuasa LKIM, sebaliknya ia terletak di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak.

Walaupun begitu, pihaknya menjangkakan harga ikan tidak akan naik dengan ketara berikutan stok penimbang yang mencukupi dan kehadiran bekalan ikan import.

“Para peniaga perlu menunjukkan tanggungjawab sosial dengan menetapkan harga yang munasabah demi menjaga kestabilan harga untuk kepentingan rakyat,” jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Abdul Hamid Bahari berkata, pihaknya turut bersedia menghadapi musim tengkujuh yang dijangka berlangsung dari November hingga Mac tahun hadapan.

Kata beliau, pihaknya dan pengusaha bot swasta sudah membuat simpanan bekalan ikan sejuk beku bagi menampung keperluan pasaran semasa musim tengkujuh.

“Simpanan bekalan ikan ini sebagai langkah berjaga-jaga berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu sekarang. Sertakat ini, bekalan ikan segar masih cukup dan dalam keadaan terkawal.

“Kerajaan juga menyediakan bantuan kewangan bagi menyokong nelayan yang tidak dapat turun ke laut. Bantuan sebanyak RM300 disalurkan kepada nelayan bagi menaraf hidup mereka yang bergantung sepenuhnya pada hasil laut,” katanya.

Sementara itu, Abdul Hamid menegaskan, dengan persiapan rapi daripada pelbagai pihak dan kerajaan, bekalan ikan dalam pasaran dijangka stabil sekali gus mengurangkan impak musim tengkujuh terhadap pengguna dan nelayan di seluruh negara.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 NOVEMBER 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Nov	Peniaga ada kad diskau kini boleh beli bahan mentah di Jualan Rahmah	https://malaysiagazette.com/2024/11/06/peniaga-ada-kad-diskaun-kini-boleh-beli-bahan-mentah-di-jualan-rahmah/#google_vignette	MALAYSIA GAZETTE
7-Nov	MyCC sudah siapkan laporan aktiviti monopoli, kartel industri padi - KPDN	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1320340/mycc-sudah-siapkan-laporan-aktiviti-monopoli-kartel-industri-padi	BERITA HARIAN
7-Nov	Kajian kartel padi dan beras selesai, tunggu pendedahan rasmi - Fuziah	https://www.sinarharian.com.my/article/694990/berita/nasional/kajian-kartel-padi-dan-beras-selesai-tunggu-pendedahan-rasmi-fuziah	SINAR HARIAN
7-Nov	MyCC sudah siapkan laporan kajian kartel padi, beras - Fuziah	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mycc-sudah-siapkan-laporan-kajian-kartel-padi-beras-fuziah-495027	ASTRO AWANI
7-Nov	Dewan Rakyat: Kajian MyCC kesan kemungkinan wujud kartel padi, beras	https://www.kosmo.com.my/2024/11/06/dewan-rakyat-kajian-mycc-kesan-kemungkinan-wujud-kartel-padi-beras/	KOSMO
7-Nov	Laporan kartel padi dan beras sudah selesai, tunggu masa didedahkan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/11/1151942/laporan-kartel-padi-dan-beras-sudah-selesai-tunggu-masa-didedahkan	HARIAN METRO
7-Nov	MYCC sudah siapkan laporan kartel monopoli padi dan beras	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/mycc-sudah-siapkan-laporan-kartel-monopoli-padi-dan-beras	BERITA RTM
7-Nov	Laporan aktiviti monopoli, kartel industri padi sudah disiapkan MyCC – KPDN	https://www.buletintv3.my/nasional/laporan-aktiviti-monopoli-kartel-industri-padi-sudah-disiapkan-mycc-kpdn/	BULETIN TV3

7-Nov	MyCC has prepared report on rice, padi cartel activities, Dewan Rakyat told	https://thesun.my/malaysia-news/mycc-has-prepared-report-on-rice-padi-cartel-activities-dewan-rakyat-told-LE13248113	THE SUN
7-Nov	MyCC has completed its investigation into rice cartels, Parliament hears	https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/11/06/mycc-has-completed-its-investigation-into-rice-cartels-parliament-hears	THE STAR
7-Nov	Laporan kajian aktiviti kartel padi dan beras siap	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/11/06/laporan-kajian-aktiviti-kartel-padi-dan-beras-siap/	FREE MALAYSIA TODAY
7-Nov	MYCC SEDIA LAPORAN KAJIAN AKTIVITI KARTEL PADI DAN BERAS	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2360125	BERNAMA
7-Nov	MyCC sudah siapkan kajian kartel padi, beras – Fuziah	https://malaysia-tribune.news/2024/11/06/mycc-sudah-siapkan-kajian-kartel-padi-beras-fuziah/	MALAYSIA TRIBUNE
7-Nov	MyCC sudah lengkapkan laporan mengenai kartel padi, beras	https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/mycc-sudah-lengkapkan-laporan-mengenai-kartel-padi-beras/	UTUSAN MALAYSIA
7-Nov	Premis ‘sorok’ LPG, minyak masak diserbu	https://www.kosmo.com.my/2024/11/06/premis-sorok-lpg-minyak-masak-diserbu/	KOSMO
7-Nov	Barangan kawalan lebih RM10,000 disita	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1151930/barangan-kawalan-lebih-rm10000-disita	HARIAN METRO
7-Nov	KPDN Perak rampas barang kawalan disimpan tanpa permit, lesen yang sah	https://malaysia-tribune.news/2024/11/06/kpdn-perak-rampas-barang-kawalan-disimpan-tanpa-permit-lesen-yang-sah/	MALAYSIA TRIBUNE
7-Nov	KPDN sita 132kg gula, 40kg minyak masak peket hampir RM11,000	https://www.sinarharian.com.my/article/694976/berita/semasa/kpdn-sita-132kg-gula-40kg-minyak-masak-peket-hampir-rm11000	SINAR HARIAN

7-Nov	BARANG KAWALAN BER-JADUAL BERNILAI LEBIH RM10,000 DIRAMPAS	https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2360083	BERNAMA
7-Nov	No storage permit: Controlled goods worth nearly RM11,000 seized	https://thesun.my/malaysia-news/no-storage-permit-controlled-goods-worth-nearly-rm11000-seized-CE13246675	THE SUN
7-Nov	Jualan Rahmah akan diperbanyak termasuk di kawasan berisiko banjir	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152109/jualan-rahmah-akan-diperbanyak-termasuk-di-kawasan-berisiko-banjir	HARIAN METRO
7-Nov	Jualan Rahmah akan diperbanyak termasuk di kawasan berisiko banjir - Armizan	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jualan-rahmah-akan-diperbanyak-termasuk-di-kawasan-berisiko-banjir-armizan-495120	ASTRO AWANI
7-Nov	Jualan Rahmah akan diperbanyak di kawasan berisiko banjir – Armizan	https://www.buletintv3.my/nasional/jualan-rahmah-akan-diperbanyak-di-kawasan-berisiko-banjir-armizan/	BULETIN TV3
7-Nov	KPDN pantau harga barang sepanjang musim tengkujuh	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-pantau-harga-barang-sepanjang-musim-tengkujuh	BERITA RTM
7-Nov	JUALAN RAHMAH AKAN DIPERBANYAK TERMASUK DI KAWASAN BERISIKO BANJIR -ARMIZAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2360299	BERNAMA
7-Nov	Jualan Rahmah akan diperbanyak di kawasan berisiko banjir - Armizan	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1320578/jualan-rahmah-akan-diperbanyak-di-kawasan-berisiko-banjir-armizan	BERITA HARIAN
7-Nov	Peralihan monsun, KPDN tambah bekalan elak harga barang naik	https://malaysiagazette.com/2024/11/06/peralihan-monsun-kpdn-tambah-bekalan-elak-harga-barang-naik/	MALAYSIA GAZETTE
7-Nov	KPDN pantau harga barang ketika musim tengkujuh	https://www.kosmo.com.my/2024/11/06/kpdn-pantau-harga-barang-ketika-musim-tengkujuh/	KOSMO

7-Nov	Negara perlukan hala tuju ekonomi baharu	https://www.sinarharian.com.my/article/695083/berita/nasional/negara-perlukan-hala-tuju-ekonomi-baharu	SINAR HARIAN
7-Nov	MOE receives numerous complaints on copyright violations - Fadhlina	https://thesun.my/malaysia-news/moe-receives-numerous-complaints-on-copyright-violations-fadhlina-KE13249672	THE SUN
7-Nov	KPM ambil tindakan pelanggaran hak cipta kandungan bahan pengajaran	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/11/kpm-ambil-tindakan-pelanggaran-hak-cipta-kandungan-bahan-pengajaran/	UTUSAN MALAYSIA
7-Nov	KPM TERIMA BANYAK ADUAN PELANGGARAN HAK CIPTA BAHAN PEN-DIDIKAN	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2360276	BERNAMA
7-Nov	KPM terima banyak aduan pelanggaran hak cipta bahan pendidikan	https://www.sinarharian.com.my/article/695090/berita/nasional/kpm-terima-banyak-aduan-pelanggaran-hak-cipta-bahan-pendidikan	SINAR HARIAN
7-Nov	KPM kesan penyelewengan hak intelek kandungan bahan pengajaran dan pembelajaran - Fadhlina	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1320509/kpm-kesan-penyelewengan-hak-intelek-kandungan-bahan-pengajaran-dan	BERITA HARIAN
7-Nov	KPM ambil serius aduan pelanggaran hak cipta bahan pendidikan	https://www.kosmo.com.my/2024/11/06/kpm-ambil-serius-aduan-pelanggaran-hak-cipta-bahan-pendidikan/	KOSMO
7-Nov	KPK bincang dengan KPBM dan KPDN wujudkan akta kawal baja	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152204/kpk-bincang-dengan-kpkm-dan-kpdn-wujudkan-akta-kawal-baja	HARIAN METRO
7-Nov	Model konsolidasi pekebun kecil mampu rancakkan industri getah - Johari	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1320671/model-konsolidasi-pekebun-kecil-mampu-rancakkan-industri-getah	BERITA HARIAN
7-Nov	Model konsolidasi pekebun kecil mampu rancakkan industri getah – Johari	https://www.buletintv3.my/nasional/model-konsolidasi-pekebun-kecil-mampu-rancakkan-industri-getah-johari/	BULETIN TV3

7-Nov	TASKA BEROPERASI SECARA HARAM DISITA JKM MELAKA	https://www.melakahariini.my/taska-beroperasi-secara-haram-disita-jkm-melaka/	MELAKA HARI INI
7-Nov	LEBIH 10 TASKA DI MELAKA BAKAL BERDEPAN TINDAKAN SITA	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2360377	BERNAMA
7-Nov	Lebih 10 taska tidak berdaftar di Melaka bakal disita - JKM	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1320630/lebih-10-taska-tidak-berdaftar-di-melaka-bakal-disita-jkm	BERITA HARIAN
7-Nov	Lebih 10 taska di Melaka berdepan tindakan sita	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/11/1152142/lebih-10-taska-di-melaka-berdepan-tindakan-sita	HARIAN METRO
7-Nov	Taska di Batu Berendam 'perangkap nyawa', lebih 10 premis lain akan disita	https://malaysiaga-zette.com/2024/11/06/taska-di-batu-berendam-perangkap-nyawa-lebih-10-premis-lain-akan-disita/	MALAYSIA GAZETTE
7-Nov	Taska, pusat jagaan tidak berdaftar dalam pemerhatian JKM	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/taska-pusat-jagaan-tidak-berdaftar-dalam-pemerhatian-jkm	BERITA RTM
7-Nov	Taska di Batu Berendam 'perangkap nyawa', lebih 10 premis lain akan disita	https://themalaytribune.com/taska-di-batu-berendam-perangkap-nyawa-lebih-10-premis-lain-akan-disita/	THE MALAY TRIBUNE
7-Nov	Warga Thailand seleweng petrol, diesel didenda RM9,000	https://www.sinarharian.com.my/article/695069/berita/semasa/warga-thailand-seleweng-petrol-diesel-didenda-rm9000	SINAR HARIAN